



مجلس باندراي كوانتن

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur

☎ 09-5121555 / 5121666 / 5052666 ☎ 09-5130644 🌐 www.mbk.gov.my



#MajuTerusPahang #Pahang 1st

Ruj Tuan :

Ruj Kami : Bil.(22)dlm.MPK/KP:T/2-11 Jld.4

Tarikh : 20 Mac 2023

Semua Peniaga Makanan dan Minuman

Pemilik Restoran

Yang Beragama Islam

Tuan,

**PEKELILING JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PELESENAN
BIL. 02/2023 : PENYERAGAMAN WAKTU MULA PERNIAGAAN SEPANJANG BULAN
RAMADAN 1444H/2023M KEPADA PENIAGA MAKANAN DAN MINUMAN YANG
BERAGAMA ISLAM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sepertimana pihak tuan sedia maklum bulan Ramadan 1444 Hijrah telah bermula 22 Mac 2023 hingga 21 April 2023. Sehubungan dengan itu, aktiviti perniagaan restoran/kedai makan dan kedai makanan segera perkhidmatan penghantaran makanan yang menyediakan juadah sahur dibenarkan operasi bermula **jam 3.00 petang hingga 6.00 pagi sepanjang bulan Ramadan**. Manakala bagi operasi restoran/kedai makan dan pusat besi belah ia adalah mengikut waktu operasi pasaraya.

3. Walau bagaimanapun, penyeragaman waktu ini tidak terpakai kepada peniaga/pemilik restoran/kedai makan bukan beragama islam.


...2/-

4. Bersama-sama ini disertakan cabutan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 di bawah Seksyen 22 (Tidak Menghormati Ramadan) untuk rujukan.

Sekian.

' Kuantan Bandaraya Indah Lestari '

Saya yang menjalankan amanah



(DATO' ROSE SAMSUL BIN ABDUL RAZAK, DIMP., AAP., AMP)

Pengarah

Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan

b.p Datuk Bandar Kuantan

Majlis Bandaraya Kuantan

Edaran dalaman:

- | | | |
|----|---|-----------------------|
| 1. | Datuk Bandar | |
| 2. | Setiausaha | |
| 3. | Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan | - Untuk makluman tuan |
| 4. | Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat | - Untuk makluman tuan |
| 5. | Ketua Bahagian Pelesenan | - Untuk makluman tuan |
| 6. | Fail Timbul | |

NAJIB/wan....surat

**ENAKMEN 11 TAHUN 2013
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH 2013**

**BAHAGIAN III - KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN
INSTITUSINYA**

Seksyen 22. Tidak menghormati Ramadan

Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadan-

- (a) menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap serta-merta pada waktu itu; atau
- (b) secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain yang seumpamanya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.